



NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

Malaysia beli 32 juta dos vaksin Pfizer-BioNTech

Oleh [Rafidaah Mat Ruzki](#) - Mac 8, 2021 @ 2:16pm
fidaahruzki@bh.com.my

19

Malaysia beli 32 juta dos vaksin Pfizer-BioNTech



PUTRAJAYA: Malaysia akan menerima 32 juta dos vaksin COVID-19 keluaran Pfizer-BioNTech, jumlah untuk separuh penduduk negara, iaitu dua dos setiap individu.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata penghantaran semua 32 juta dos vaksin COVID-19 itu akan dibuat pada tahun ini.

Beliau berkata, pemerolehan itu akan dimuktamad selepas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba menandatangani perjanjian dengan syarikat itu, minggu ini.

"Menteri Kesihatan, selepas rundingan dengan Pfizer, akan menandatangani tambah bekalan. Pfizer akan membekalkan 32 juta dos atau 50 peratus daripada populasi atau penduduk di negara kita.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Malaysia bakal hasilkan picagari 'low dead-volume'](#)
- [COVID-19: Malaysia terima vaksin Pfizer-BioNTech seminggu awal](#)
- [Vaksin lalui proses penilaian sewajarnya](#)
- [Malaysia kekal beri 2 dos vaksin Pfizer-BioNTech](#)

"Asalnya jumlah vaksin yang akan dibekalkan sebanyak 20 peratus, kemudian untuk 39 peratus. Kita akan memuktamadkan pemberian untuk

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 6m [Ahli Parlimen kumpulan pemantau Agenda 2030](#)
- 8m [NHC entiti tunggal pembangunan rumah mampu milik](#)
- 8m [Suspek bunuh isteri akan didakwa](#)
- 12m ['Kerajaan, persatuan media perlu bincang vaksinasi pengamal media'](#)
- 28m [3 buruh didakwa rogol wanita OKU](#)
- 31m [ICC perintah mangsa kekejaman Ntaganda dibayar AS\\$30 juta](#)
- 32m [Angkara cemburu, isteri hamil ditetak hingga mati](#)
- 33m [Hamidin ketua kontinjen negara ke Hanoi](#)

VAKSIN



NASIONAL 13 minit yang lepas

['Kerajaan, persatuan media perlu bincang vaksinasi pengamal media'](#)



NASIONAL 38 minit yang lepas

[Pertimbang beri sijil pengecualian vaksin COVID-19](#)



AMERIKA sejam yang lepas

[COVID-19: AS kembali rekod kurang 1,000 kematian sehari](#)



EROPAH 3 jam yang lepas

[COVID-19: Banyak negara abai amaran kecemasan - WHO](#)



WILAYAH 4 jam yang lepas

[Polis akan ambil keterangan individu dakwa notang giliran](#)

50 peratus daripada populasi di negara kita.

"Pihak Pfizer juga menawarkan tambahan sebanyak 20 peratus lagi dan perkara ini kita akan pertimbangkan sama ada untuk kita menambah lagi bekalan daripada pihak Pfizer," katanya pada sidang media mingguan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), di sini, hari ini.

Khairy berkata, Malaysia juga akan menerima tiga lagi penghantaran vaksin, iaitu Pfizer-BioNTech pada 11 Mac dan masing-masing 100,000 dos vaksin Sinovac yang pada Isnin dan Jumaat depan.

Beliau berkata, 200,000 dos Sinovac itu akan digunakan pada fasa pertama program pelalian.

Selain itu, Khairy berkata, kerajaan akan meneruskan rundingan dengan Cansino Biologics Inc untuk mendapatkan vaksin keluaran syarikat itu yang hanya memerlukan satu dos.

Katanya, itu pilihan yang terbaik setakat ini berbanding vaksin keluaran Johnson & Johnson yang juga menggunakan satu dos, berikutan vaksin itu hanya dapat dihantar syarikat itu pada suku keempat tahun ini.

"Kita akan bincangkan pada mesyuarat Khamis ini. Kemungkinan pemerolehan vaksin Johnson & Johnson akan digugurkan kerana mereka hanya boleh menghantar menjelang akhir tahun ini. Itu sudah terlalu lambat bagi kita," katanya.

Kerajaan juga sedang menimbangkan pemerolehan vaksin keluaran Amerika Syarikat, Novovax yang mempunyai kadar keberkesanan sebanyak 89.3 peratus, dalam ujian klinikal yang dijalankan di United Kingdom (UK).

Sementara itu, Dr Adham berkata, kerajaan juga sedang melihat untuk menambah portfolio pemerolehan vaksin COVID-19 untuk masa depan dan mengkaji tempoh setiap vaksin mampu memberi perlindungan kepada individu yang sudah mendapat suntikan.



[dakwa potong guman](#)



NASIONAL Mac 8, 2021 @ 3:40pm

Vaksin COVID-19 lalui tapisan ketat

TRENDING



NASIONAL 33 minit yang lepas

Angkara cemburu, isteri hamil ditetak hingga mati




NASIONAL sejam yang lepas

Jenazah diusung semula dari kubur ke hospital



KES 5 jam yang lepas

5 saman trafik pelajar menghina guru



NASIONAL Mac 8, 2021 @ 5:26pm

Ahli KWSP buat permohonan baharu, pindaan



BOLA Mac 8, 2021 @ 1:12pm

Pengadil salah posisi, Hindle patut terima kad merah



Bebuli vaksin COVID-19, Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech. Foto AFP

BERITA BERKAITAN





NASIONAL Feb 26, 2021 @ 8:50pm
Bekalan vaksin Sinovac tiba jam 9 pagi esok



NASIONAL Jan 11, 2021 @ 12:43pm
Pfizer bekal lebih 12 juta vaksin untuk Malaysia



NASIONAL Feb 6, 2021 @ 3:39pm
Picagari khas untuk suntikan vaksin Pfizer-BioNTech



NASIONAL Feb 15, 2021 @ 12:50pm
Vaksin COVID-19: Dos pertama, kedua jenis vaksin



IKUTI KAMI DI:



- BERITA**
- BHPLUS**
- Nasional**
- Kes**
- Politik**
- Pendidikan**
- Wilayah**

- SUKAN**
- DUNIA**
- HIBURAN**
- BISNES**
- RENCANA**
- WANITA**
- HUJUNG MINGGU**

- MULTIMEDIA**
- Foto**
- BHTV**
- Infografik**

- LANGGAN**
- Akhbar Digital**
- Akhbar BH**

- PERKHIDMATAN**
- Iklan Web**
- 1Klassifieds**
- NSTP KLiK**